

**KEDUDUKAN AMERIKA SYARIKAT DALAM PERANG  
FALKLAND, 1982: SATU PENELITIAN TERHADAP CATATAN  
MEMOIR TERPILIH OLEH ELIT PENTADBIR SEMASA ERA  
PRESIDEN RONALD REAGAN**

*(THE UNITED STATES' POSITION IN THE FALKLANDS WAR, 1982: AN  
EVALUATION OF SELECTED MEMOIR BY THE ADMINISTRATIVE  
ELITE DURING THE ERA OF PRESIDENT RONALD REAGAN)*

**Noorilham Ismail, Zulkanain Abdul Rahman  
& Nur Dayana Mohamed Ariffin**

**Abstrak**

---

Kertas kerja ini menumpukan perbincangan tentang catatan memoir terpilih oleh elit pentadbiran Amerika Syarikat mengenai Perang Falkland pada tahun 1982 sewaktu era Presiden Ronald Reagan. Objektif utama kertas kerja ini adalah untuk menunjukkan pendirian Amerika Syarikat dan perspektif elit pentadbirannya yang terlibat dalam perang selama 74 hari tersebut dari 2 April hingga 14 Jun 1982. Perkara terbabit mempunyai signifikansi kerana Amerika Syarikat telah terlibat dengan Perang Falkland itu sendiri baik secara langsung atau tidak langsung meski pun perang tersebut berlaku antara Kerajaan Britain dengan Kerajaan Argentina. Untuk itu, kaedah kualitatif telah digunakan dengan cara menganalisis catatan memoir terpilih elit pentadbiran Amerika Syarikat dalam menghasilkan perbincangan yang lebih objektif melalui sokongan dokumen primer daripada arkib. Dokumen berkenaan terdiri daripada fail dari Ronald Reagan dari California dan sumber *Foreign Relations of the United States* (FRUS). Bahan sekunder yang berautoriti seperti tesis, buku dan artikel jurnal turut digunakan bagi melengkapi kronologi perbincangan. Kertas kerja ini seterusnya sampai kepada penjelasan bahawa catatan memoir terpilih daripada elit pentadbir Amerika Syarikat adalah penting untuk menggambarkan perspektif dan pendirian Washington terhadap Perang Falkland 1982 dalam era kepimpinan Presiden Ronald Reagan.

---

**Kata kunci:** Amerika Syarikat, Britain dan Argentina, elit pentadbiran, Perang Falkland, memoir

**Abstract**

---

*This paper focuses on a discussion of selected memoirs by the U.S. administrative elite on the Falklands War in 1982 during the era of President Ronald Reagan. The main objective of this paper is to show the stance of the United States and the perspectives of its administrative elites involved in the 74-day war from April 2 to June 14, 1982. The matter has significance because the United States has been involved with the Falklands War itself either directly or indirectly even though the war took place between the British Government and the Argentine Government. Qualitative methods have been used by analyzing selected*

*memoir notes of the U.S. administrative elite in producing a more objective discussion through the support of primary documents from the archives. The documents consisted of files from Ronald Reagan of California and Foreign Relations sources of the United States (FRUS). Authoritative secondary materials such as theses, books, and journal articles were also used to complete the chronology of the discussion. This paper, therefore, concluded that selected memoirs from the U.S. administrative elite are important to illustrate Washington's perspective and stance on the 1982 Falklands War in the era of President Ronald Reagan's leadership.*

---

**Keywords:** *United States, Britain and Argentina, administrative elite, Falklands War, memoir*

## PENGENALAN

Secara atas kertas, Perang Falkland yang berlaku dari 2 April hingga 14 Jun 1982 adalah membabitkan pihak Britain dengan Argentina. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat telah terlibat di belakang tabir dengan menyokong pihak Britain sama ada melalui bantuan material mahupun sokongan bukan material. Kenyataan ini diperkukuhkan oleh pengakuan Setiausaha Pejabat Luar dan Komanwel untuk kerajaan Britain, Sir Francis Pym (1985) apabila beliau mengakui bahawa Amerika Syarikat secara aktif “*behind the scenes*” dalam membantu Britain ketika itu. Elit pentadbiran Amerika Syarikat baik di Jabatan Negara dan Jabatan Pertahanan turut mengakui perkara ini dalam catatan memoir masing-masing seperti yang akan diperjelaskan selepas ini dalam satu struktur perbincangan secara kronologi. Untuk itu, perbincangan berikutnya bakal berteraskan hujahan bahawa kedudukan Amerika Syarikat adalah penting dan bukan pasif semasa berlangsungnya Perang Falkland kerana negara tersebut telah menyokong Britain bagi mendepani Argentina. Asas kepada perkara ini terbukti melalui catatan autobiografi oleh Presiden Ronald W. Reagan (1981-1989) yang telah menyebutkan:

*Throughout the eight years of my presidency, no alliance we had was stronger than the one between the United States and the United Kingdom. Not only did Margaret Thatcher and I become personal friends and share a similar philosophy about government; the alliance was strengthened by the long special relationship between our countries born of shared democratic values, common Anglo-Saxon roots, a common language, and a friendship deepened and mellowed by fighting two world wars side by side. The depth of this special relationship made it impossible for us to remain neutral during Britain's war with Argentina over the Falkland Islands in 1982 (Reagan 2011).*

Pengakuan di atas datang daripada individu yang memegang tampuk pemerintahan tertinggi di Amerika Syarikat dan sekaligus menggambarkan bahawa negara tersebut tidak berkecuali dalam Perang Falkland 1982. Catatan peribadi seumpama ini turut dikemukakan oleh dua orang Setiausaha Negara Amerika Syarikat yang mengendalikan penglibatan Amerika Syarikat dalam perang berkenaan iaitu Alexander M. Haig Jr. (1981-1982) dan George Shultz (1982-1989). Haig (1984) telah menuliskan peranan beliau dalam bentuk rundingan diplomasi sewaktu perang untuk menghentikan konflik bersenjata antara Britain dengan Argentina seperti dalam kenyataan memoirnya, *Caveat: Realism, Reagan, and Foreign Policy*. Shultz (2010) di satu pihak turut menyatakan peranan beliau dalam menguruskan hal ehwal selepas perang bagi meneruskan tugas yang telah ditinggalkan oleh Haig selepas bulan Julai 1982. Setiausaha Pertahanan Caspar W. Weinberger (1981-1987) pula telah menghasilkan dua buah memoir yang membuktikan peri pentingnya kedudukan Amerika Syarikat dalam menyokong Britain sewaktu Perang Falkland dalam dua buah penulisannya, *Fight for Peace: Seven Critical Years in the Pentagon* dan *In the Arena: A Memoir of the 20th Century*. Kesemua karya elit pentadbir ini telah menggambarkan dengan jelas penglibatan dan peranan Amerika Syarikat dalam memastikan Britain menerima sokongan sewajarnya semasa perang sedang berlangsung. Tidak terhad dengan dokumen primer dalam pentadbiran Amerika Syarikat sendiri, sumber-sumber daripada pentadbiran kerajaan Britain turut mengesahkan perkara berkenaan seperti yang tertera dalam subperbincangan selepas ini.

Secara asasnya, Perang Falkland pada tahun 1982 telah melibatkan kerajaan Britain di bawah pentadbiran Perdana Menteri Margaret Thatcher (1989-1990) dengan kerajaan Argentina di bawah pentadbiran Presiden Leopoldo Galtieri (1981-1982). Peperangan ini terjadi apabila Argentina melakukan pendaratan tentera ke atas Port Stanley iaitu pusat pentadbiran Pulau Falkland yang menghubungkan London dengan wilayah seberang lautnya itu. Krisis ini bertitik tolak daripada pertikaian jangka masa panjang antara kedua-dua belah pihak sejak tahun 1833 sehinggalah penghujung tahun 1970-an yang membabitkan soal pemilikan dan kedaulatan pulau tersebut. Argentina di satu pihak telah mendakwa bahawa pulau berkenaan adalah sebahagian daripada tanah jajahan Sepanyol sewaktu wilayah negara tersebut dikenali sebagai Rio De La Plata manakala Britain pula mengakui bahawa hak ke atas pulau tersebut telah diperakui miliknya sejak pelantikan Kapten J. J. Onslow yang mendiami kawasan di Port Louis (di Timur Falkland) sebagai pentadbir di situ (Freedman 2005). Oleh sebab itu, sebarang rundingan penyelesaian secara aman tidak mampu untuk mencapai persetujuan atau pun penerimaan oleh kedua-dua negara meskipun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengeluarkan Resolusi 2065 (untuk mencari penyelesaian berkenaan pertikaian Pulau Falkland) pada 8 Disember 1965 (Gonzales 2013).

Dalam keadaan ini, Amerika Syarikat kemudiannya telah bertindak sebagai pihak ketiga dalam mencari penyelesaian terhadap pertikaian tersebut sama ada melalui rundingan secara aman mahu pun tindakan ketenteraan secara terus. Walaupun pada awalnya Amerika Syarikat cuba untuk “berkecuali” dalam perang ini tetapi kedudukan tersebut telah berubah khususnya pada 30 April 1982 apabila pihak Amerika sendiri telah mengumumkan pendiriannya untuk menyokong Britain selepas usaha penyelesaian secara aman gagal menemui matlamatnya. Kesemua perkara ini telah dimuatkan dalam catatan memoir elit pentadbir yang disebutkan sebelum ini khususnya dalam tulisan masing-masing bagi menggambarkan kedudukan Amerika Syarikat sewaktu perang terbabit. Peri pentingnya memoir untuk dijadikan sebagai rujukan dalam perbincangan ini adalah kerana dokumen tersebut merupakan catatan peribadi elit pentadbir berkenaan yang mungkin tidak pernah dikemukakan kepada umum sewaktu mereka masih memegang jawatan pentadbiran. Meskipun terdapat sarjana seperti A.J.P. Taylor dan Jeremy D. Popkin yang meragui memoir sebagai sumber catatan sejarah, namun ia tidak dapat menafikan kandungan fakta atau idea dalam satu-satu memoir tertentu (Wallach 2006). Hal ini telah disokong oleh sarjana seperti Peter N. Stearns dan Jan Lewis yang berpendapat memoir merupakan salah satu sumber primer dalam kajian bidang sejarah (Wallach 2006). Pemikir terkenal seperti R.G. Collingwood (1946) juga telah mengakui bahawa sejarah itu merupakan perkara dalaman dan luaran dengan membabitkan ejen sejarah iaitu individu yang bertindak sebagai pelaku dalam sejarah yang turut meninggalkan satu-satu catatan.


Dalam kajian terdahulu, sememangnya banyak kajian yang berkaitan dengan perang Falkland tahun 1982 sama ada dalam kalangan pengkaji di Amerika Syarikat dan Eropah mahu pun dari Amerika Latin. Kajian-kajian mereka telah mencakupi pelbagai perspektif sama ada di pihak kerajaan Britain dan Argentina mahu pun negara-negara dunia ketiga yang terlibat dengan perang tersebut baik secara langsung atau pun tidak langsung. Namun demikian, kajian Perang Falkland yang berdasarkan catatan oleh memoir anggota pemimpin yang terlibat dalam Perang Falkland adalah kurang diberi perhatian lebih-lebih lagi kajian ke atas catatan memoir elit pentadbir Amerika Syarikat. Terdapat beberapa pengkaji seperti Alex Danchev (1992), Christoph Bluth (1992), Sally-Ann Treharne (2015) dan Michael C. Milczik (2018) yang pernah menggunakan memoir tersebut sebagai sokongan dalam kajian mereka namun bukannya sebagai satu bentuk analisis utama untuk kerangka kajian masing-masing. Hal ini ditambah lagi dengan tarikh terbitan memoir tersebut yang mempunyai jarak dan tempoh masa agak lama antara satu sama lain bagi membolehkan para sarjana menyetengahkan perbincangan mengenainya dalam sebuah naratif kajian. Untuk itu, kekosongan sedia ada ini cuba untuk diisi dalam satu perbincangan yang lebih objektif dan informatif. Hal ini penting untuk memperlihatkan kedudukan Amerika Syarikat dalam Perang Falkland 1982 berdasarkan pengakuan dan catatan memoir elit pentadbir dalam barisan kepimpinan Presiden Ronald Reagan ketika itu.

Dalam melengkapkan kertas kerja ini, kaedah kualitatif telah digunakan menerusi tindakan menganalisis memoir terpilih dalam kalangan elit pentadbir Amerika Syarikat sewaktu era Presiden Ronald W. Reagan yang terlibat dalam Perang Falkland. Catatan memoir ini telah diolah, diterjemah

dan disusun dalam satu bentuk kronologi hujahan bagi memperlihatkan keterlibatan Amerika Syarikat dalam perang berkenaan bahkan kenyataan daripada memoir itu juga boleh disokong dengan catatan dokumen primer lain. Untuk itu, dokumen-dokumen seperti *Prime Minister's Office (PREM)*, *Records of the Ministry of Defense (DEFE)* dan *Foreign Office and Foreign and Commonwealth Office (FCO)* yang diperoleh daripada *The National Archive (TNA)* di London telah dijadikan sebagai dokumen sokongan hujahan selain daripada sumber *Foreign Relations of the United States (FRUS)* dari Amerika Syarikat. Sumber FRUS ini merupakan dokumen primer pentadbiran Amerika Syarikat yang diterbitkan oleh United States Government Publishing Office di bawah akta *Freedom Of Information Act (FOIA)* khususnya jilid XIII, *Conflict in the South Atlantic*. Pada masa yang sama, sumber sekunder berautoriti seperti tesis, buku dan artikel jurnal turut digunakan bagi membentuk satu kerangka perbincangan yang informatif buat makalah ini.

## LATAR BELAKANG PERTIKAIAN SEBELUM BERLAKUNYA PERANG FALKLAND

Dari segi geografi, Pulau Falkland terletak 290 batu dari hujung selatan tanah besar Argentina manakala jarak 8000 batu dari London (Gonzales 2013). Pulau Falkland ini berada di bahagian barat daya Selatan Atlantik seperti yang ditunjukkan dalam peta 1.



Peta 1. Peta Pulau Falkland

Sumber: Day (1996)

Kedudukan Pulau Falkland ini telah menjadi pertikaian sekian lama antara kerajaan Britain dengan pihak Argentina sejak kurun ke-19 sehinggalah konflik pada tahun 1982. Hal ini demikian kerana, pulau tersebut penting untuk kedua-dua kerajaan dari segi sempadan perairan mahu pun lingkungan perolehan ekonomi. Pertikaian mengenai pulau ini telah membawa ketegangan antara kedua-dua kerajaan sama ada dari segi hubungan diplomatik atau pun dalam konteks kebudayaan. Tindakan rejim Galtieri yang melancarkan serangan ke atas pulau tersebut lalu menduduki kawasan berkenaan merupakan pemangkin kepada konflik ketika itu. Kabinet Thatcher kemudiannya telah bertindak dengan menghantar angkatan laut dan udara untuk menghadapi serangan Argentina ini.

Tindakan serangan Argentina pada bulan April 1982 itu telah didasari oleh isu jangka masa panjang yang dapat ditelusuri kira-kira 149 tahun sebelum berlakunya perang iaitu pada bulan Januari 1833. Pada ketika itu, Kapten J.J. Onslow yang telah dilantik sebagai pentadbir British di Pulau Falkland telah memainkan peranan sebagai pihak yang menguruskan hal ehwal berkaitan para pelayar dan kapal dagang milik British di kawasan tersebut. Pihak Argentina telah kehilangan hak ke atas pulau tersebut apabila Gabenor Louis yang dilantik untuk menguruskan pentadbiran di Port Louis telah digulingkan oleh pegawai tentera Amerika Syarikat seperti keterangan dan penjelasan selepas ini. Apabila wujudnya kekosongan di situ, pihak British terus memanfaatkan perkara tersebut dengan meletakkan wakilnya bagi meneruskan hal ehwal yang disebutkan tadi. Dari segi

sorotan sejarah, Pulau Falkland ini bukanlah satu yang asing untuk pihak British kerana ia pernah menjadi pertikaian antara kuasa penjajah berkenaan dengan Sepanyol dan Perancis sekitar dua dekad terakhir kurun ke-18. Walau bagaimanapun, pulau tersebut terus bertahan sebagai wilayah jajahan Sepanyol sehinggalah berlaku penyerahan ke atasnya kepada pihak Argentina pada 1810. Hal ini dibuat kerana pada masa itu, Argentina telah dimerdekakan oleh Sepanyol lalu diberikan hak dan kedaulatan ke atas wilayah persekitarannya termasuklah Pulau Falkland.

Apabila British berjaya menduduki pulau tersebut, usaha secara berperingkat telah dibuat bagi membangunkan beberapa gugusan pulau di Atlantik Selatan itu sama ada dari segi sosial mahu pun pembangunan logistik. Pembangunan secara berperingkat ini dibuat kerana beberapa perkara yang dimulai dengan sikap pemimpin British sendiri di samping pertimbangan-pertimbangan lain yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi dan penguasaan laluan laut. Meskipun telah memperoleh pulau tersebut daripada kekosongan yang ditinggalkan oleh pihak Argentina, elit pentadbir British di London masih enggan untuk meletakkan pulau tersebut sebagai wilayah jajahannya (Warnick 2008). Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira jarak yang jauh dari London ke pulau tersebut dan struktur geografinya yang terlalu luas. Walau bagaimanapun, perkara ini beransur-ansur berubah menjelang sekitar 1840-an apabila terdapat sekolah dan gereja yang mula dibina di kawasan tersebut untuk tujuan pembangunan masyarakat. Bagi Argentina pula, negara tersebut tidak membuat sebarang tuntutan kembali yang serius dan drastik sepanjang tempoh tersebut kerana pentadbirnya sedang menguruskan urusan politik dalaman.

Rentetan daripada itu, British terus membangunkan kawasan-kawasan di Kepulauan Falkland dengan pelbagai kemudahan perhubungan seperti jalan raya dan tidak terkecuali tapak telekomunikasi (Handsbook no. 138 1920). Kapal-kapal perdagangan juga kerap singgah di kawasan tersebut bagi merencanakan aktiviti ekonomi yang lebih tertumpu kepada soal penghasilan pertanian. Port Stanley telah dijadikan sebagai pusat pentadbiran di Pulau Falkland bagi menggantikan posisi Port Louis sebelumnya dan situasi ini lebih menampakkan peranan British sebagai pihak yang membangunkan pulau tersebut. Dalam jangka masa panjang, pulau ini tidak lagi asing untuk dikunjungi oleh individu-individu dari luar khususnya selepas program pembangunan yang dirangka sekitar 1920-an (Handsbook no. 138 1920).

Bagi Argentina, tuntutan berkaitan Pulau Falkland ini tidak diberi perhatian secara mendalam oleh para pemimpinnya sehinggalah era Perang Kotor (*Dirty War*) yang telah menyaksikan negara tersebut ditadbir oleh rejim junta tentera (Calvert 1992). Keluarga Paron yang memegang kuasa pentadbiran sekitar penghujung tahun 1940-an dan sepanjang 1950-an tidak menjadikan isu ini satu keutamaan dalam objektif politik mereka (Box 91170 1982). Hal ini hanya dibangkitkan dan menjadi isu utama dalam pentadbiran Argentina apabila Presiden Leopoldo Galteiri mengambil alih pentadbiran pada bulan Disember 1981. Sebelum isu Falkland menjadi fokus utama pentadbirannya, rejim tentera sebelum Galteiri telah melakukan serangan ke atas Selat Beagle (*Beagle Channel*) untuk menuntut hak dan kedaulatannya daripada kerajaan Chile (Gertner 2014). Dalam situasi ini, tampak jelas strategi yang digunakan oleh rejim tentera di Argentina ini mempunyai persamaan bagi mendapatkan sokongan dan mengalihkan fokus rakyat Argentina dari isu tekanan politik, ekonomi dan sosial di peringkat domestik kepada isu luar negara yang diharapkan dapat menyatukan rakyat lalu menghidupkan semangat patriotisme.

Di pihak Amerika Syarikat pula, hubungan dengan Pulau Falkland ini dapat dilihat telah bermula sejak penghujung kurun ke-18 apabila banyak kapal dagang dari negeri-negeri di Amerika Syarikat yang melakukan pelayaran ke kawasan tersebut. Tujuan-tujuan kapal ini adalah untuk menjalankan aktiviti ekonomi kelautan sehingga berlanjutan ke era pentadbiran Presiden Andrew Jackson sekitar 1820-an dan 1830-an. Pada peringkat inilah hubungan berkenaan menjadi lebih tegang dan wujud dalam keadaan konflik khususnya selepas sekatan pelayaran dan akses ke Pulau Falkland ke atas kapal-kapal Amerika Syarikat yang dikuatkuasakan oleh Gabenor Louis. Apabila hak untuk melalui kawasan itu dihalang, Presiden Jackson telah menghantar kapal perang USS Lexington di bawah pimpinan Kapten Duncan akhirnya telah bertindak menggulingkan Gabenor Louis lalu menyebabkan kawasan pulau tersebut kosong tanpa pentadbir. Meskipun menentang tindakan

Amerika Syarikat itu, pihak Argentina tidak segera menghantar pengganti Louis sehinggakan perkara tersebut membuka ruang dan peluang untuk Britain mengambil alih pentadbiran di kawasan tersebut.

### **PERSPEKTIF ELIT PENTADBIR AMERIKA SYARIKAT TERHADAP PERISTIWA PERANG FALKLAND**

Selepas tinjauan umum dibuat ke atas latar belakang dalam pertikaian yang berkaitan dengan Pulau Falkland sehingga mencetuskan perang pada 1982, subperbincangan ini kemudiannya bakal mengemukakan perspektif elit pentadbir Amerika Syarikat mengenai perang tersebut. Perang yang berlaku ini berlangsung sewaktu kabinet pentadbiran Presiden Reagan baru sahaja 17 bulan memerintah Amerika Syarikat. Lantaran itu, adalah satu kemestian dan keperluan bagi Amerika Syarikat dalam mengendalikan dasar luarnya yang melibatkan isu perang berkenaan. Hal ini penting bagi Washington kerana kedua-dua pihak yang berperang iaitu Argentina dan Britain merupakan sekutunya terutama dalam konteks Perang Dingin ketika itu (Bluth 1992). Reagan sendiri mengakui konflik berkaitan Falkland ini merupakan isu pertikaian jangka masa panjang seperti kenyataan di dalam diarinya, “*Argentina has been trying to claim them for 149 years*” (Reagan 2007). Daripada kenyataan itu, dapat disimpulkan bahawa pertikaian Pulau Falkland sebagai satu perkara yang tidak terlepas daripada perhatian dasar luar Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Reagan. Lebih signifikan apabila perkara ini kemudiannya telah diterjemahkan dalam bentuk dasar luar secara penglibatan secara langsung dan tidak langsung sekitar berlakunya peperangan tersebut. Dua nama individu yang cukup besar pengaruhnya dalam isu ini tidak lain dan tidak bukan ialah Setiausaha Negara Haig dan Setiausaha Pertahanan Weinberger. Perkara ini terbukti dalam catatan memoir kedua-dua mereka yang terlebih dahulu diperakui oleh Haig pada tahun 1984:

*Argentina clearly violated international law by seizing the territory of another nation by force. Britain, in exercise of its right of self-defense under Article 51 of the U.N. Charter, was legally entitled to use reasonable force in preserving its rights by retaking the islands. Argentina was legally obligated under U.N. Resolution 502 to withdraw. If she refused to do so and hostilities resulted, then the United States would have no choice, as a matter of principle and unambiguous historical precedent, but to support Britain (Haig 1984).*

Menerusi petikan dari memoir Haig di atas, tiga perkara mengenai Perang Falkland telah digarisbawahi oleh beliau sebagai cerminan kepada perspektif Amerika Syarikat yang melihat perang ini sebagai satu pelanggaran kepada undang-undang antarabangsa. Artikel 51 PBB juga turut dikaitkan dengan kewajaran tindakan Britain dalam bertindak balas ke atas pelakuan Argentina malahan Haig sendiri mengukuhkan kenyataannya dengan bersandarkan Resolusi 502 oleh PBB selepas tercetusnya perang. Secara umum, Resolusi 502 ini merupakan satu usaha penyelesaian dan tuntutan agar Argentina mengundurkan tenteranya dari kawasan Pulau Falkland dan pihak Buenos Aires turut digesa untuk menyelesaikan pertikaian ini secara rundingan (Bagnall 2021). Sekiranya Haig menyatakan Amerika Syarikat tidak dapat mengelak dari terlibat dalam pertikaian ini dari segi diplomasi, lain pula dengan halnya apabila isu ini dirujuk dalam kenyataan Weinberger. Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat itu telah menyatakan pandangan beliau menerusi memoirnya yang diterbitkan pada tahun 2001 dengan keterangan:

*I vigorously expressed my view that it would be unthinkable for the United States to remain neutral when our oldest friend had been attacked in such a fashion. We could not condone, by silence or inaction, naked aggression anywhere, certainly not in our own hemi sphere and not by a corrupt military dictatorship against one of our NATO allies (Weinberger 2001).*

Melalui catatan oleh Weinberger itu, perspektif Amerika Syarikat mengenai Perang Falkland jelas telah didasari antara lainnya adalah berkaitan dengan isu geostrategik yang membabitkan Britain sebagai sekutu dalam *North Atlantic Treaty Organization* (NATO). Amerika Syarikat diakui oleh Weinberger sebagai pihak yang perlu terlibat dalam menyokong Britain dalam perang tersebut dan tidak hairanlah apabila pendekatan bersifat ketenteraan akhirnya dibuat seperti dalam keterangan subperbincangan selepas ini.

Untuk kedua-dua perspektif elit pentadbir Amerika Syarikat ini, Haig lebih cenderung kepada penyelesaian secara aman dalam bentuk penglibatan tidak langsung manakala Weinberger lebih terarah kepada penglibatan secara langsung dalam bentuk sokongan material kepada Britain. Keengganan Argentina untuk melaksanakan pengunduran tenteranya daripada lingkungan kawasan Pulau Falkland telah menjadikan Amerika Syarikat semakin mempergiat usahanya untuk membantu Britain dalam mendepani perang tersebut. Perlu dinyatakan bahawa Amerika Syarikat sendiri tidak mahu pertikaian Pulau Falkland ini menjadi satu isu yang mampu untuk membuka ruang campur tangan di pihak Kesatuan Soviet mahu pun Cuba ketika itu. Kedua-dua negara Komunis tersebut merupakan ancaman utama kepada dasar luar Amerika Syarikat serta di pentas politik antarabangsa yang masih berlanjutan dalam kerangka Perang Dingin sehinggalah permulaan kepada era Pentadbiran Reagan (McCormick 2015). Adalah satu kemestian untuk Amerika Syarikat menggunakan segala pendekatan bagi memastikan Kesatuan Soviet dan Cuba tidak mendatangkan tekanan yang lebih kritikal khususnya dalam isu kedudukan Amerika Syarikat di bahagian Amerika Latin sama ada dalam konteks imejnya sebagai negara jiran kepada negara-negara lain mahu pun pengaruhnya sebagai pemimpin blok demokrasi.

Perspektif dan pendirian Amerika Syarikat mengenai Perang Falkland turut terlihat dalam catatan memoir George Shultz yang merupakan pengganti kepada Haig untuk jawatan Setiausaha Negara Amerika Syarikat sebaik sahaja empat minggu tamatnya Perang Falkland. Shultz antara lain telah merumuskan pandangan beliau mengenai Perang Falkland yang membabitkan isu selepas Argentina mengaku kalah pada 14 Jun 1982 dengan kenyataan:

*Every American secretary of state in recent history, at an early point, has had to think through the matter of the "special relationship" between Britain and the United States. That was dramatically the case with Al Haig, my immediate predecessor, who faced at the opening of his tenure Britain's war with Argentina over the Falkland Islands, a sudden and unexpected military conflict. Some in the Reagan administration had argued that U.S. interests lay on the side of maintaining good relations within the hemisphere and that Britain's decision to retake the islands in battle was a foolish attempt to prolong a colonial empire otherwise being voluntarily relinquished (Shultz 2010).*

Dalam kenyataan memoir Shultz yang diterbitkan pada tahun 2010 itu, frasa "*foolish attempt*" telah digunakan oleh beliau bagi menggambarkan tindakan Britain yang cuba untuk mempertahankan Pulau Falkland atas nama legasi empayar koloninya. Shultz telah menegaskan bahawa isu pertikaian Falkland ini sebagai perkara yang telah menekan dan memenuhi ruang perbincangan pentadbiran Amerika Syarikat sewaktu Haig masih memegang jawatan. Pandangan seumpama ini tampak sedikit bertentangan dengan kenyataan elit pentadbir sebelum ini yang cenderung untuk melakukan apa-apa sahaja bagi membantu Britain atau pun mendesak Argentina supaya berundur. Perbezaan pandangan ini mungkin kerana Shultz sendiri terlibat dalam rundingan-rundingan yang menyusul selepas perang berakhir bahkan ia turut membabitkan rasa kurang senang beliau terhadap sikap dan perwatakan Perdana Menteri Thatcher (Shultz 2010). Walau apapun catatan dalam kalangan elit pentadbir Amerika Syarikat yang telah dikemukakan di sini, ia tidak dapat menafikan penglibatan Amerika Syarikat dalam Perang Falkland adalah secara langsung dan tidak langsung sehinggalah peperangan tersebut berakhir.

### **KEDUDUKAN AMERIKA SYARIKAT DALAM PERANG FALKLAND MENURUT CATATAN ELIT PENTADBIR SEWAKTU PENTADBIRAN PRESIDEN REAGAN**

Dalam usaha untuk menganalisis kedudukan Amerika Syarikat dalam Perang Falkland, ia dapat dilihat melalui bentuk penglibatan secara langsung dan tidak langsung sepanjang 74 hari peperangan tersebut. Bentuk-bentuk penglibatan ini membabitkan individu berbeza baik pada pihak Presiden Reagan mahu pun Setiausaha Negara Haig atau pun Setiausaha Pertahanan Weinberger. Presiden Reagan misalnya menggunakan komunikasi secara peribadi dengan elit pentadbir British dan Argentina manakala Haig terkenal dengan pendekatan diplomasinya dan Weinberger pula lebih menumpukan penglibatan dalam bentuk bantuan ketenteraan. Biar apa pun bentuk penglibatan yang digunakan oleh Amerika Syarikat, kesemua perkara itu pada akhirnya telah memberi manfaat

kepada Britain hingga membantu negara tersebut memenangi perang secara keseluruhan. Lantaran itu, aspek-aspek penglibatan yang disebutkan tadi telah menggambarkan kedudukan tidak pasif di pihak Amerika Syarikat semasa konflik dan perkara ini akan diperjelas dengan berlandaskan catatan memoir elit pentadbir terlibat dalam aspek-aspek berikut:

- i. Panggilan telefon untuk mengelakkan berlakunya perang
- ii. Pendekatan diplomasi untuk menggesa pengunduran tentera
- iii. Pembekalan peralatan perang secara terus kepada pihak Britain

Dalam merealisasikan penglibatan secara tidak langsung Amerika Syarikat dalam Perang Falkland, Presiden Reagan telah menggunakan inisiatif komunikasi peribadi melalui panggilan telefon kepada Presiden Galtieri dan Perdana Menteri Thatcher. Usaha daripada Reagan ini dibuat atas dua pertimbangan iaitu beliau tidak mahu peperangan tersebut berlaku dan pada masa yang sama, beliau juga tidak mahu konflik tersebut tersebar luas ke tanah besar Argentina. Sebagai permulaan, Reagan telah membuat panggilan telefon selama 40 minit pada malam 1 April untuk bercakap dengan Galtieri supaya pemimpin junta tentera itu tidak mengarahkan tenteranya membuat pendaratan di Pulau Falkland (Reagan 2011). Reagan sedaya upaya berusaha menawarkan cara rundingan bagi memujuk Galtieri agar tidak meneruskan serangan tersebut. Maklumat berkaitan serangan Argentina ini telah diperoleh daripada bahagian perisikan Amerika Syarikat dan Britain sebelum ia diperkukuh dengan mesej peribadi daripada Thatcher pada 31 Mac 1982 (PREM19/657 1982). Walau bagaimanapun, usaha Reagan ini tidak membuahkan sebarang hasil kerana serangan ke atas Pulau Falkland tetap diteruskan oleh pihak Argentina pada 2 April atas justifikasi kedaulatan dan hak Buenos Aires terhadap pulau tersebut.

Apabila konflik menjadi lebih kritikal, muncul idea daripada pihak Britain untuk melakukan serangan secara terus ke kawasan daratan Argentina menjelang awal bulan Mei (Reagan 2011). Sekali gus peperangan tersebut telah terbentuk dalam dua keadaan iaitu pertempuran di kawasan laut sebelum ia bertukar kepada peperangan dalam bentuk operasi ketenteraan di kawasan daratan dalam lingkungan kepulauan Falkland (Tato et. al 2023). Timbul kebimbangan dalam pentadbiran Amerika Syarikat terutamanya di pihak Reagan sendiri kerana Reagan melihat tindakan seumpama itu hanya mendatangkan konflik lebih besar di benua Amerika Latin. Tanpa melengahkan masa, Reagan telah membuat satu panggilan telefon kepada Thatcher pada hujung bulan Mei supaya serangan tersebut tidak diteruskan (Reagan 2011). Meskipun Thatcher mendengar saranan daripada Reagan itu, tetapi beliau masih tetap dengan pendiriannya dan Argentina bernasib baik kerana serangan tersebut tidak diteruskan berkemungkinan kerana pihak Galtieri telah mengaku kalah pada 14 Jun tahun tersebut.

Selain daripada usaha panggilan melalui telefon ini, Amerika Syarikat kemudiannya telah terlibat dengan satu bentuk usaha rundingan damai menjelang 7 April kira-kira lima hari selepas perang tercetus (FCO7/4537 1982). Untuk itu, Setiausaha Negara Haig telah berperanan dalam mengendalikan diplomasi ulang-alik ini dan Presiden Reagan turut menyebutkan dalam memoir beliau:

*I asked Al Haig to try to mediate the dispute and avert an armed clash. He shuttled between Washington, London, and Buenos Aires for most of the next three weeks, making a valiant effort to avoid a war (Reagan 2011).*

Bagi menjayakan usaha penyelesaian secara aman itu, Setiausaha Haig telah melaksanakan “*shuttle diplomacy*” (diplomasi ulang-alik) dengan cara berulang-alik dari London ke Buenos Aires dan ke London semula sekitar 8 hingga 19 April (Rentschler 1982). Usaha ini adalah untuk memujuk pihak Argentina supaya mengundurkan tenteranya dan duduk dalam satu perbincangan secara aman berkaitan dengan pertikaian Pulau Falkland tersebut. Pada masa yang sama, Haig (pada 8 April 1982) turut mengemukakan cadangan supaya kedua-dua pihak yang berkonflik menerima pihak ketiga untuk mentadbir sementara Pulau Falkland sehingga penyelesaian pertikaian dapat dicapai (Box 90223 1982). Keadaan ini telah memperlihatkan betapa Amerika Syarikat tidak mahu konflik tersebut berlarutan sehingga mengakibatkan krisis yang lebih kritikal terutama di kawasan Amerika



Latin. Kebimbangan ini ditambah dengan wujudnya sokongan oleh pihak Komunis terutamanya Cuba yang bersedia untuk menyokong Argentina secara lisan mahupun material (FCO 99/1106, 1982).

Namun begitu, keputusan ini bukanlah sesuatu yang mudah kerana proses ulang-alik berkenaan perlu melibatkan perjalanan yang jauh dan berisiko untuk memakan banyak masa. Pada penerbangan pertama sahaja, sebanyak 18 jam telah dihabiskan untuk tujuan penerbangan dan keadaan ini bertambah sukar apabila ia melibatkan isu pesawat yang perlu dinaiki oleh Setiausaha tersebut sepanjang ekspedisi. Hal ini ditambah dengan keengganan pihak Argentina untuk menerima cadangan-cadangan dalam diplomasi Haig yang disifatkan cenderung untuk berpihak kepada Britain seperti yang ditegaskan oleh Menteri Luarnya, Nicanor Costa Mendez (FRUS, Vol. XIII 2015a). Walau bagaimanapun, ia tetap diteruskan oleh Haig meski pun beliau menyedari kejayaan untuk usaha itu adalah sukar sama sekali selepas mengambil kira keengganan rejim Galtieri dan ketegasan kepimpinan Thatcher yang tidak mahu mengalah dalam isu Falkland tersebut. Haig menyebutkan perkara ini dalam memoirnya, "*I was under no illusion as to my chances of success*" (Haig 1984).

Inisiatif diplomasi ulang-alik ini adalah untuk menyatakan komitmen secara tidak langsung Amerika Syarikat yang tidak menginginkan sebarang konflik lebih serius antara kedua-dua belah pihak. Terdapat beberapa cadangan yang dikemukakan termasuklah pujukan supaya Argentina mengundurkan tentera, memberi ruang untuk pertikaian tersebut diselesaikan dengan lunas undang-undang antarabangsa dan tuntutan perdamaian selaras Resolusi 502 oleh PBB. Di pihak Amerika Syarikat sendiri, usaha ini adalah untuk melambangkan posisinya sebagai "*honest broker*" dengan tidak memihak kepada mana-mana negara dalam konflik tersebut. Namun begitu, terdapat sedikit percanggahan berdasarkan kenyataan Haig dalam memoirnya, apabila beliau mengakui bahawa rundingan-rundingan dalam diplomasi ulang-alik itu adalah untuk memuaskan hati Perdana Menteri Thatcher (Haig 1984). Situasi ini jelas menunjukkan bahawa Amerika Syarikat tidak berkecuali dalam erti kata sebenar sebaliknya penglibatan negara tersebut dalam Perang Falkland adalah untuk kepentingan pihak Britain.

Seterusnya, Amerika Syarikat turut terlibat dalam Perang Falkland dengan menyalurkan keperluan aset ketenteraan bagi kegunaan pihak Britain sewaktu perang. Menerusi catatan memoirnya, Setiausaha Pertahanan Weinberger telah menyatakan perlunya bantuan ketenteraan untuk Britain diutamakan dan disalurkan dalam keadaan segera. Pertimbangan ini dibuat atas dua perkara iaitu permintaan daripada Britain sendiri dan kegagalan hasil rundingan yang telah dinyatakan sebelum ini. Tanpa mengambil masa yang terlalu lama, Weinberger telah pun meluluskan beberapa peruntukan bantuan dalam bentuk keperluan perang di bawah kelulusan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat khususnya pada 30 April dan 14 Mei 1982. Alasan dan justifikasi pada penyaluran bantuan ini telah diperakui oleh Weinberger dalam catatan memoirnya:

*I knew how vital speed would be for the extraordinarily difficult operation the British were about to undertake, so I had directed the Defense Department to expedite all existing requests from the United Kingdom for military equipment, and that all new British requests were to have first priority. Our material assistance was crucial...* (Weinberger 2001).

Berdasarkan petikan di atas, Britain sememangnya mendapat tempat istimewa dalam dasar luar Amerika Syarikat dan pertimbangan fikiran Weinberger sewaktu Perang Falkland. Dengan mudah, prinsip-prinsip dalam undang-undang antarabangsa yang disebutkan sebelum ini khususnya perincian dalam Resolusi 502 PBB telah diketepikan oleh pihak Washington. Hal ini terjadi apabila Amerika Syarikat sendiri telah membekalkan 12 juta gelen bahan bakar, 200 peluru berpandu udara-ke-udara *sidewinder* dan jumlah peluru yang banyak serta 200 MK-46 torpedo untuk digunakan melawan kapal selam Argentina (Treharne 2015). Tidak terhad setakat itu, Amerika Syarikat turut memberi keizinan kepada Britain untuk menggunakan lapangan terbang Wideawake di Pulau Ascension serta membekalkan peluru berpandu AIM-9L yang telah diluluskan pada 14 Mei untuk diberi kepada Britain dengan jumlah 100 buah item lalu ditempatkan di gudang penyimpanan senjata di pulau tersebut (FRUS, Vol. XIII 2015b). Kesemua perkara ini telah membantu Britain

menggerakkan armada tenteranya dengan lebih mudah ketika mendepani serangan Argentina dalam lingkungan kawasan Kepulauan Falkland. Weinberger sendiri memperakui dalam memoir beliau betapa pihak Britain menghargai bantuan Amerika Syarikat sewaktu Perang Falkland sehingga ia disifatkan sebagai sesuatu yang penting dan Britain tidak mampu memenangi peperangan tanpa bantuan tersebut (Weinberger 2001).

Berkenaan kelengkapan bantuan yang telah disebutkan tadi, perkara tersebut telah diminta oleh elit pentadbir Britain yang dibuktikan dengan dokumen dari Pejabat Luar dan Komanwel pada pertengahan bulan April 1982. Permintaan ini datang daripada Setiausaha Luar Kerajaan Britain iaitu Francis Pym khususnya dalam surat kiriman beliau kepada Weinberger (DEFE 70/728 1982). Pada 23 April pula, Kementerian Pertahanan Britain telah menghantar permintaan sama bagi melaksanakan serangan ke atas Argentina menjelang bulan Mei (DEFE 71/1037 1982). Kedua-dua permintaan ini telah membuktikan bahawa catatan memoir oleh Weinberger tadi mempunyai asasnya kerana perkara tersebut telah didahului oleh satu usaha secara rasmi oleh sekutu Amerika Syarikat berkenaan. Sekali lagi, keterangan ini telah menunjukkan bahawa Amerika Syarikat sememangnya tidak berkecuali dari pertikaian antara Argentina dengan Britain meski pun pihak Washington tidak mempunyai kepentingan atau pun apa-apa hak pemilikan ke atas Pulau Falkland.

Dalam keadaan ini, Weinberger ternyata berpegang pada kenyataan yang telah disebutkan olehnya apabila setiap permintaan daripada Britain untuk kegunaan sewaktu Perang Falkland perlu dihantar terus kepada beliau tanpa melibatkan prosedur yang biasanya memakan masa lebih lama. Setiap daripada permintaan tersebut telah diluluskan tanpa sebarang prosedur yang rumit dan kebanyakannya hanya mengambil masa tidak lebih dari 36 jam dan maklumat berkaitan risikan pula telah disalurkan dalam tempoh 6 jam (FRUS, Vol. XIII 2015c). Gambaran ini memberi isyarat bahawa Weinberger tidak mahu melengah-lengahkan masa kerana "*speed was what they most needed*" dengan merujuk keadaan pihak Britain ketika itu (Weinberger 1990). Hal ini juga selepas mengambil kira sikap tentera Argentina yang masih lagi enggan berundur dari kawasan konflik selepas tindakan diplomasi dibuat. Keputusan Weinberger itu juga telah memperlihatkan bahawa Amerika Syarikat sentiasa bersedia untuk menyebelahi Britain dalam apa juga keadaan terutama sewaktu konflik.

Bagi Britain, usaha bagi mendapatkan bantuan Amerika Syarikat berkaitan penggunaan kemudahan di Pulau Ascension telah disuarakan oleh kepimpinan tertinggi negara itu dari 2 hingga 7 April 1982 lagi. Sebelum meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Pejabat Luar dan Komanwel, Lord Carrington telah mengemukakan permintaan ke Washington untuk keizinan menggunakan Pulau Ascension yang diakui penting bagi transit pesawat perang ke Pulau Falkland (FCO 7/4534 1982). Kenyataan ini turut diakui oleh Duta Britain di Amerika Syarikat, Sir Nicholas Henderson yang berpendapat bahawa perkara itu perlu sebagai tanda kerjasama serta sokongan oleh Amerika Syarikat terhadap sekutunya (FCO 7/4534 1982). Hal ini adalah penting kepada Britain yang ingin merangka persiapan serangan balas terhadap Argentina dari 3 hingga 6 April 1982 untuk keperluan pendaratan briged tenteranya di samping tapak penyimpanan peralatan perang. Dalam masa yang sama, pulau berkenaan turut berperanan sebagai lokasi pengisian bahan bakar yang dijangka akan mencecah 1.5 juta gelen menjelang 24 April sebaik sahaja siri pertempuran bermula. Tanpa Pulau Ascension ini, tentera Britain perlu melancarkan serangan dari Hawaii yang lebih jauh jaraknya kerana negara-negara seperti Uruguay tidak mahu membenarkan pangkalan di Montevideo digunakan oleh Britain (FCO 7/4534 1982). Lantaran itu, kerjasama dengan Amerika Syarikat untuk membenarkan penggunaan kemudahan di Pulau Ascension begitu diperlukan oleh Britain waktu tersebut. Justeru, segala kenyataan daripada barisan pentadbiran Ronald Reagan sebelum ini sememangnya terbukti apabila ia turut ditunjukkan dalam kenyataan-kenyataan oleh kepimpinan tertinggi di Britain.

## KESIMPULAN

Sejauh perbincangan ini, catatan memoir oleh elit pentadbir Amerika Syarikat sewaktu tempoh masa pentadbiran Presiden Reagan ternyata mempunyai signifikan sendiri dalam menggambarkan penglibatan Amerika Syarikat dalam Perang Falkland 1982. Tambahan pula, catatan mengenai Perang Falkland dalam memoir elit pentadbir yang telah disorotkan dalam kajian ini turut disokong

oleh kenyataan dalam dokumen primer dari arkib. Tidak terhad setakat itu, analisis ke atas memoir ini juga telah memperlihatkan aspek-aspek berbeza dari segi pendekatan yang telah digunakan untuk menunjukkan keterlibatan Amerika Syarikat dalam perang ini. Meskipun perkara tersebut menggambarkan beberapa pertentangan dan perselisihan antara pendirian elit pentadbir yang telah dibincangkan, namun ia tetap tidak dapat menafikan penglibatan Amerika Syarikat dalam mencari penyelesaian pertikaian.

Rentetan daripada itu, makalah ini diharapkan dapat memberi satu sudut pandang baharu selain daripada penambahan kepada wacana ilmiah berkaitan Perang Falkland tahun 1982 yang begitu kurang mendapat perhatian di Malaysia. Jika dibandingkan dengan wacana Perang Falkland ini berdasarkan kajian-kajian dari luar, Malaysia masih jauh ketinggalan dalam membicarakan isu ini kerana ia tidak menjadi perhatian utama dalam kalangan pengkaji tempatan sama ada dalam lapangan sains politik, hubungan antarabangsa, pengajian geostrategik mahu pun dalam bidang sejarah. Kenyataannya, kajian seumpama ini penting untuk diterokai bagi memahami lanskap politik antarabangsa secara amnya dan keperluan untuk mengatasi satu-satu konflik secara khususnya dengan jalur kajian ilmiah. Isu pertikaian wilayah atau perebutan pulau seperti kes Pulau Falkland ini masih lagi ada sehingga kini meski pun isu dan kedudukan geografinya berbeza serta masih belum sampai tahap tercetusnya perang. Dalam erti kata lain, kajian ini diharapkan dapat menjadi satu instrumen pembuka kepada ruang perbincangan yang berkaitan bagi menambahkan wacana intelektual berkaitan dengan isu seumpama ini pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Bagnall, J. 2021. Britain and the Falklands: International Perspectives 1982-1990. Ph.D Thesis, School of History, Classics and Archaeology, Newcastle University.
- Bluth, C. 1992. Anglo-American Relations and the Falklands Conflict. In, A. Danchev, *International Perspectives on the Falklands Conflict: A Matter of Live and Death*, pp. 203-223. New York: St. Martin's Press.
- Box 90223. 1982. *Jim Rentschler's Telegram to Judge Clark: "Secretary's working dinner with Prime Minister Thatcher"*, 8 April 1982. Dennis Blair Files [Folder: United Kingdom 1982]. Simi Valley: Ronald Reagan Library.
- Box 91170. 1982. *Memorandum for Admiral Poindexter from Roger W. Fontaine about Falkland Islands Dispute*, 2 April 1982. Latin American Affairs Directorate, NSC Records [Folder: Falklands/Malvinas: NSC and State Memos]. Simi Valley: Ronald Reagan Library.
- Calvert, P. 1992. The Malvinas as a Factor in Argentine Politics. In, A. Danchev, *International Perspectives on the Falklands Conflict: A Matter of Live and Death*, pp. 47-66. New York: St. Martin's Press.
- Collingwood, R. G. 1946. *The Idea of History*. London: Oxford University Press.
- Danchev, A. 1992. A Matter of Live and Death. In, A. Danchev. *International Perspectives on the Falklands Conflict: A Matter of Live and Death*, pp. 1-11. New York: St. Martin's Press.
- Day, A.E. 1996. *The Falkland Islands, South Georgia and the South Sandwich Islands World*. Oxford: ABC-CLIO.
- DEFE 70/728, D/MGO Sec/15/12 Part A. 1982. *Draft Letter from Secretary of State (Pym) to Mr. Weinberger, n.d., Operational Areas-Falkland Islands*. London: TNA.
- DEFE 71/1037, PSO/CDS 2038/1. 1982. *Falkland Islands: US Assistance, 23 April 1982, Operation Corporate (Falklands Conflict): US Assistance*. London: TNA.
- FCO 7/4534, ALQ050/304/2. 1982, April 2. *From Carrington to Immediate Washington, Falkland Islands Crisis: UK/US Co-operation-Military*. London: The National Archive.
- FCO 7/4534, ALQ050/304/2. 1982, April 6. *From Henderson to Immediate FCO, Falkland Islands Crisis: UK/US Co-operation-Military*. London: The National Archive.
- FCO 7/4534, ALQ050/304/2. 1982, April 7. *UKDel NATO (Graham) to Immediate FCO, Falkland Islands Crisis: UK/US Co-operation-Military*. London: The National Archive.
- FCO 7/4537, ALQ050/304/4 (Part A). 1982, April 8. *Visit to London of US Secretary of State, Mr. Haig*. London: The National Archive.
- FCO 99/1106, ACK021/6. 1982, April 11. *From Brasilia (Harding) to Immediate FCO, Cuba: Falklands Crisis/Argentina*. London: TNA.

- Freedman, L. 2005. *The Official History of the Falklands Campaign, Vol. 1: The Origins of the Falklands War*. New York: Routledge.
- FRUS, 2015a. Conflict in the South Atlantic, 1981–1984, Vol. XIII. *Transcript of a Telephone Conversation Between Secretary of State Haig and Argentine Foreign Minister Costa Mendez, 13 April 1982* Washington D. C.: United States Government Publishing Office.
- FRUS, 2015b. Conflict in the South Atlantic, 1981–1984, Vol. XIII. *Memorandum From the Acting Chairman of the Joint Chiefs of Staff (Hayward) to Secretary of Defense Weinberger, Subject: United Kingdom OP Corporate Request for AIM–9L Missiles (S), 14 Mei 1982*. Washington D. C.: United States Government Publishing Office.
- FRUS, 2015c. Conflict in the South Atlantic, 1981–1984, Vol. XIII. *Memorandum From the Under Secretary of Defense for Policy (Iklé) to Secretary of Defense Weinberger, Subject: Materiel Support to the UK (U)—Information Memorandum*, undated. Washington D. C.: United States Government Publishing Office.
- Gertner, A.V. 2014. The Beagle Channel frontier dispute between Argentina and Chile: Converging domestic and international conflicts. *International Relations* 28(2): 207-227.
- Gonzalez, M.A. 2013. *The Genesis of the Falklands (Malvinas) Conflict: Argentina, Britain, and the Failed Negotiations of the 1960s*. London: Palgrave Macmillan.
- Haig Jr., A.M. 1984. *Caveat: realism, Reagan, and foreign policy*. New York: MacMillan.
- Handbook Prepared Under the Direction of the Historical Section of the Foreign Office. 1920. No. 138, *Falkland Islands Kerguelen*. London: H.M. Stationary Office.
- Klafter, C.E. 1984. United States Involvement in the Falkland Islands Crisis of 1831-1833. *Journal of the Early Republic* 4(4): 395-420.
- McCormick, E.D. 2015. Beyond Revolution and Repression: U.S. Foreign Policy and Latin American Democracy, 1980-1989. Ph.D Thesis, Department of History, University of Virginia.
- Milzcik, M.C. 2018. Not Impartial: United States Relations with the United Kingdom during the Suez and Falklands Crises. Master's Thesis, Harvard Extension School, Harvard University.
- PREM19/657 f18 (T55/82). 1982, March 31. MT message to President Reagan. *Prime Ministerial Private Office files*. London: The National Archives.
- Pym, F. 1985. *The Politics of Consent*, London: Sphere Books.
- Reagan, R. 2007. *The Reagan Diaries*. New York: Harper.
- Reagan, R. 2011. *An American Life: The Autobiography*. New York: Simon & Schuster.
- Rentschler, J. 1982. *James Rentschler's Falklands diary, 1 April – 25 June 1982*. Thatcher Archive (copy of the text per the late Ambassador Rentschler), Margaret Thatcher Foundation, <https://www.margaretthatcher.org/document/114346> [3 December 2022].
- Shultz, G.P. 2010. *Turmoil and Triumph: Diplomacy, Power, and the Victory of the American Deal*. New York: Scribner.
- Tato, M. I. et. al. 2023. *Falklands/Malvinas 1982: A War of Two Sides*. New York: Routledge.
- Treharne, S.A. 2015. *Reagan and Thatcher's Special Relationship: Latin America and Anglo-American Relations*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Wallach, J.J. 2006. Building a Bridge of Words: The Literary Autobiography as Historical Source Material, *Biography* 29(3): 446-461.
- Warnick, S. 2008. The Reluctant Colonization of the Falkland Islands, 1833-1851: A Study of British Imperialism in the Southwest Atlantic. Master's Thesis, Paper 702. University of Richmond.
- Weinberger, C. 1990. *Fight for Peace: Seven Critical Years in the Pentagon*. New York: Grand Central Publishing.
- Weinberger, C. 2001. *In the Arena: A Memoir of the 20th Century*. New York: Regnery Publishing.

Noorilham Ismail,  
 Jabatan Sejarah,  
 Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
 Universiti Malaya (UM),  
 Email: noorilham\_ismail@yahoo.com

Zulkanain Abdul Rahman, (Ph.D)  
Prof Madya,  
Jabatan Sejarah,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya (UM),  
Email: zulkana@um.edu.my

Nur Dayana Mohamed Ariffin, (Ph.D)  
Jabatan Sejarah,  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,  
Universiti Malaya (UM),  
Email: ndayana@um.edu.my

Diserahkan: 2 Februari 2023

Diterima: 7 April 2023

Diterbitkan: 30 Jun 2023